

Pendaftaran
secara automatik
khusus untuk
peserta eKasih



Skim Insurans Keluarga Malaysia (SIKM)

(SIKM adalah produk takaful. Brosur ini bertujuan untuk menyediakan garis panduan kepada penerima Skim Insurans Keluarga Malaysia sahaja)

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

**DEMI KESEJAHTERAAN INSAN
YANG TERSAYANG**





Skim Insurans Keluarga Malaysia

Skim Insurans Keluarga Malaysia (SIKM) adalah pelan takaful berkelompok patuh Syariah percuma yang mana sumbangannya ditaja oleh Kerajaan. Pelan ini ditawarkan secara eksklusif kepada ketua keluarga daripada kategori miskin tegar dan miskin yang berdaftar dengan pangkalan data eKasih di bawah bidang kuasa Unit Penyelarasian Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

Diuruskan secara eksklusif oleh Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN), pelan bertempoh 1 tahun ini menyediakan manfaat sekaligus sekiranya berlaku Kematian Secara Semulajadi atau Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) akibat situasi yang tidak dijangka.

Peserta eKasih yang terpilih untuk menerima skim ini akan dimaklumkan menerusi Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) ke nombor telefon yang telah dikemaskini dalam pangkalan data eKasih.

FAKTA PENTING



Eksklusif untuk Ahli eKasih

Skim ini ditawarkan secara eksklusif kepada ketua keluarga daripada kategori miskin tegar dan miskin yang berdaftar di bawah pangkalan data eKasih



Pelan Takaful Percuma

Pelan takaful berkelompok patuh Syariah yang mana sumbangannya ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia



Perlindungan

Menawarkan perlindungan untuk Kematian Secara Semulajadi, Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)



Ringkas

Mudah dan senang difahami



Tiada Pengunderitan Diperlukan

Peserta skim ini tidak perlu menjalani pemeriksaan perubatan dan proses pengunderitan



Tanpa Kerumitan

Pendaftaran secara automatik

TEMPOH PERLINDUNGAN DAN KELAYAKAN

Tempoh Perlindungan	12 bulan
Kelayakan	Ketua isi rumah yang berumur 19 hingga 60 tahun (pada hari lahir akan datang) daripada kategori miskin tegar dan miskin yang berdaftar di bawah pangkalan data eKasih
Sumbangan Takaful	Skim ini adalah percuma dan ditawarkan secara eksklusif kepada ahli eKasih. Semua sumbangan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia

JADUAL MANFAAT

Manfaat	Manfaat Kematian Secara Semulajadi	Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)
Jumlah Perlindungan (RM)	RM10,000	RM25,000	RM10,000

PENAMAAN DIPERMUDAHKAN

Lengkapkan borang penamaan bagi memastikan kelancaran proses pembayaran tuntutan.

-  1 Ahli eKasih akan menerima SMS dengan pautan
-  2 Klik pada pautan dalam SMS
-  3 Ahli eKasih akan dibawa ke laman sesawang SIKM di laman web korporat PruBSN
-  4 Ahli eKasih boleh memuat turun borang penamaan dari laman sesawang SIKM
-  5 Isi borang penamaan dan hantar borang penamaan yang lengkap ke mana-mana cawangan Prudential/ PruBSN atau e-mel kepada SIKM@prubsn.com.my
-  6 Jika anda perlukan pertolongan lanjut untuk mengisi borang penamaan, anda boleh:
 - a. Klik [di sini](#) dan tonton video panduan mengisi borang penamaan; atau
 - b. Kunjungi mana-mana cawangan Prudential/PruBSN yang terdekat; atau
 - c. Hubungi Khidmat Pelanggan kami di 03 2775 7188; atau
 - d. E-mel kepada SIKM@prubsn.com.my

TUNTUTAN MUDAH

Ikuti 5 langkah mudah bagi memastikan kelancaran proses pembayaran tuntutan anda!



1

Kunjungi cawangan PruBSN/Prudential yang berhampiran



2

Sediakan dokumen-dokumen anda

Jenis dokumen	Jenis Tuntutan		
	Kematian secara Semulajadi	Kematian akibat Kemalangan	Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh
Sijil Kematian (Yang disahkan)	✓	✓	✗
Salinan Kad Pengenalan Penuntut	✓	✓	✗
Laporan Polis	✗	✓	(Kemalangan sahaja)
Borang tuntutan berserta butiran e-kredit	✓	✓	✓
Sijil Perawat Perubatan	✓	✓	✗
Sijil Perubatan Sulit (TPD) - yang dilengkapkan oleh doktor yang memberi rawatan terakhir	✗	✗	✓
Salinan asal surat penamatan pekerjaan/Salinan surat discaj yang diperakui	✗	✗	✓

- a. Wang tuntutan akan dibayar kepada penama seperti yang terkandung di dalam borang penamaan yang telah dihantar. Jika tuntutan dibuat tanpa borang penamaan, bayaran tuntutan akan dibayar kepada waris mengikut Akta Institusi Kewangan Islam 2013 (IFSA 2013).
- b. Klik [di sini](#) untuk mengetahui lebih lanjut mengenai proses tuntutan dan penamaan.



3

Sertakan maklumat* peribadi pihak yang menuntut dan nombor akaun bank

*Untuk tuntutan TPD: Butiran peribadi peserta SIKM.

Untuk tuntutan kematian secara semula jadi atau kematian akibat kemalangan: Butiran peribadi penama atau butiran peribadi penuntut.



4

Serahkan borang tuntutan berserta dokumen-dokumen sokongan yang telah lengkap seperti yang disenaraikan di atas ke mana-mana cawangan PruBSN/Prudential atau e-mel kepada SIKM@prubsn.com.my



5

Tuntutan akan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap



6

Semak status tuntutan anda melalui saluran berikut:

- a. Hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03 2775 7188; atau
- b. E-mel kepada SIKM@prubsn.com.my

NOTA PENTING

1. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak antara anda dan PruBSN. Ciri-ciri penting serta terma dan syarat pelan adalah seperti yang dinyatakan dalam Lampiran Keterangan Produk dan Ringkasan Sijil Induk, yang boleh didapati dan dilihat di www.prubsn.com.my. Semasa proses pendaftaran, anda akan diarahkan untuk melihat dokumen tersebut dengan mengklik pada pautan selamat yang tersedia dalam SMS yang dihantar kepada anda.
2. Risalah ini diterbitkan hanya untuk maklumat dan tidak berkaitan dengan matlamat-matlamat kewangan, situasi dan keperluan mana-mana individu tertentu.
3. Dalam risalah ini, Umur merujuk kepada Umur pada Tarikh Lahir akan Datang, melainkan dinyatakan sebaliknya.
4. Skim Insurans Keluarga Malaysia adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta'awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan anda ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-urrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj *Wakalah*.
5. Skim Insurans Keluarga Malaysia tidak menyediakan manfaat Dana *Tabarru`* jika sijil telah diserahkan, ditamatkan, tamat tempoh atau matang.

PENGECUALIAN

Skim Insurans Keluarga Malaysia tidak melindungi sebarang situasi berikut:

Manfaat Kematian Secara Semulajadi

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian Secara Semulajadi jika kematian Ahli yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh bunuh diri semasa waras atau tidak waras.

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian Akibat Kemalangan jika Ahli yang Dilindungi meninggal dunia disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- a. Peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, perrusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, penglibatan secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam; atau
- b. Pelanggaran atau cubaan melanggar sebarang undang-undang atau menentang penahanan; atau
- c. Cubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
- d. Kehamilan, kehamilan sekarang dan sebelumnya, (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketidaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan; atau
- e. Kemabukan alkohol atau dadah; atau
- f. Penglibatan atau mengambil bahagian dalam aktiviti sukan professional, penyelaman skuba, sebarang acara perlumbaan, penerbangan udara (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara) selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang menaiki kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjedual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya, melainkan PruBSN memberi persetujuan melalui pengendorsan khas; atau
- g. Penggunaan dadah atau narkotik selain daripada yang ditetapkan oleh Doktor atau Pakar Perubatan yang berkelayakan; atau
- h. Apa-apa bentuk sakit atau penyakit yang bukan disebabkan oleh kemalangan.

Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh sekiranya hilang upaya kekal dan menyeluruh Ahli yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:

- a. Membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri semasa waras atau tidak waras; atau
- b. Melakukan kesalahan jenayah atau percubaan untuk melakukan kesalahan jenayah; atau
- c. Sebarang penyalahgunaan alkohol, narkotik, dadah atau stimulator dan sebarang komplikasi yang timbul akibat penyalahgunaan tersebut; atau
- d. Peperangan atau tindakan agresif, termasuk penaklukan, tindakan keganasan negara asing, musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa; atau
- e. Sebarang penglibatan dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara); atau
- f. Sebarang Keadaan yang Sedia Ada.

Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada ringkasan sijil induk untuk mendapatkan maklumat lanjut.

APAKAH ITU TAKAFUL?

Pengaturan yang berdasarkan bantuan bersama di mana peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada dana am yang menyediakan manfaat kewangan bersama dan dibayar kepada peserta takaful atau benefisiarinya pada masa berlaku kejadian yang telah dipersetujui.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Takaful diambil daripada istilah Arab 'kafala' yang membawa erti "Jaminan bersama" atau **menjamin antara satu sama lain**.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama. Apabila seorang individu terlibat dalam skim takaful, individu tersebut bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan para peserta lain untuk menyumbang bersama dan membantu antara satu sama lain.

**PERTOLONGAN
BERSAMA**

**PERLINDUNGAN
BERSAMA
DARIPADA
KERUGIAN**

**TANGGUNGJAWAB
BERSAMA**

Secara intipatinya, takaful adalah berdasarkan prinsip "*Ta`awun*" (**kerjasama/pertolongan bersama**) di mana penglibatan penyertaannya adalah ***Tabarru`at* (kebajikan)**.

Pelan ini ditaja jamin oleh:

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Skim Insurans Keluarga Malaysia adalah produk yang patuh Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

(No. Syarikat 200601020898 (740651-H))

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.



03 2775 7188



SIKM@prubsn.com.my



SMS PruBSN dan hantarkan ke **33080**



www.facebook.com/prubsn



www.instagram.com/prubsn_official



www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad



Prudential BSN Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Prudential BSN Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

Penting: Pelan ini mampu memberi kepuasan dengan memenuhi keperluan mengikut kemampuan anda kerana jumlah sumbangan akan meningkat selari dengan peningkatan umur.

Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan Disember 2022.